

18 MAR 2002

Mahathir-Tinjau

DR MAHATHIR TINJAU OPERASI LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA DUSSELDORF

Oleh: Muin Abdul Majid

DUSSELDORF (Jerman), 18 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang dalam rangka lawatan rasmi ke Jerman, singgah di sini dari Stuttgart semalam untuk meninjau operasi Lapangan Terbang Antarabangsa Dusseldorf.

Perdana Menteri telah diberikan taklimat mengenai pengendalian kargo dan penumpang di lapangan terbang itu yang dibuka pada Januari tahun lepas.

Ia dibina semula setelah terbakar pada tahun 1996.

Lapangan terbang itu kini mengendalikan lebih 15 juta penumpang setahun melalui 90 syarikat penerbangan yang beroperasi ke 180 destinasi antarabangsa.

Dr Mahathir juga telah meninjau kawasan penyimpanan kargo dan diberi taklimat oleh Pengarah Urusan Lapangan Terbang Dusseldorf, Christa Soltau.

Yang turut memberikan taklimat kepada Perdana Menteri ialah pegawai-pegawai kanan syarikat HOCHTIEF Airport yang menguruskan lapangan terbang itu.

Dr Mahathir diiringi Duta Besar Malaysia ke Jerman Datuk Abdul Kadir Deen.

Perdana Menteri akan berada di Munich hari ini bagi memulakan lawatan rasmi tiga harinya ke Jerman selepas bermalam semalam di sini.

-- BERNAMA

MAM AHH MAI